

15 SEP 1999

Ramos-Ekonomi

M'SIA DAN FILIPINA BOLEH BERI NAFAS BARU TERHADAP KAWASAN PERTUMBUHAN

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Bekas presiden Filipina Fidel Ramos hari ini berkata Malaysia dan Filipina berada dalam kedudukan terbaik untuk memberi nafas baru dalam kegiatan ekonomi di kawasan pertumbuhan merintangi kedua-dua negara, Brunei dan Indonesia yang beliau ilhamkan semasa menjadi presiden.

Kegawatan ekonomi serantau pada 1997 telah melembabkan kegiatan sedemikian di Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Malaysia, Indonesia, Filipina (BMIP-EAGA) tetapi sekarang Malaysia dan Filipina boleh sekali lagi memainkan peranan utama untuk menggerakkan pemulihan, katanya pada satu persidangan berita di sini.

Beliau berkata kawasan pertumbuhan itu dimulakan atas cadangan Filipina pada 1993 dan telah mendapat momentum kukuh apabila rantau ini dilanda kegawatan ekonomi pada 1997.

"Pelbagai perkara menjadi lembab. Bagaimanapun dengan pemulihan kukuh ekonomi Malaysia dan Filipina, saya cadangkan Malaysia dan Filipina memainkan peranan utama semula seperti yang kita lakukan pada 1993 untuk mengaut peluang di pasaran besar di Asean dengan 45 juta penduduk," katanya.

Ramos, yang berlepas esok selepas lawatan empat hari ke Malaysia, berkata setiap negara anggota di kawasan pertumbuhan itu mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Malaysia bertanggungjawab terhadap pelancongan dan pembangunan pelancongan, Indonesia dalam perkapalan dan pengangkutan laut, Brunei dalam pengangkutan udara dan penerbangan sivil sementara Filipina dalam bidang perikanan dan pemprosesan makanan.

Ramos bercakap mengenai beberapa projek usahasama antara Malaysia dan Filipina terutama dalam pelancongan, yang terbesar sebuah projek resort di Pulau Samal di wilayah Mindanao Selatan Filipina.

Projek lain dalam perancangan ialah antara Metroplex Berhad Malaysia, usahasama pemasangan kereta oleh Proton yang dinamakan Proton-Filipinas, serta dalam bidang keluli, perlindungan alam sekitar dan penjanaan kuasa.

"Kini tiba masanya untuk memperbaharui usahasama yang berjaya ini yang telah tergelincir oleh kegawatan ekonomi," katanya.

Ramos, yang semasa menjadi presiden menyaksikan hubungan ekonomi Malaysia-Filipina meningkat paling tinggi, berkata projek-projek berkenaan tergendala kerana pasaran menjadi lembab terutama bagi pelancongan dan barangan pengguna dan juga disebabkan oleh masalah yang dihadapi rakan kongsi Malaysia.

Beliau berkata pemasukan modal pelaburan yang diunjurkan tidak tiba pada masanya tetapi Filipina amat berharap rakan di Malaysia akan bergerak dengan lebih bertenaga pada kawasan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada semua pihak dalam masa tiga tahun.

Ramos, yang menjadi presiden selama enam tahun sehingga 30 Jun tahun lepas, berkata projek usahasama sebenarnya tidak terbengkalai tetapi sekadar diubahsuai, disusun dari segi kewangan dan dirunding semula kedudukan ekuiti rakan perniagaan kedua-dua pihak.

Beliau berkata dalam pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau memberitahu Perdana Menteri bahawa Filipina sekali lagi memulakan inisiatif itu.

"Ekonomi Filipina tidak begitu terjejas akibat kegawatan ekonomi di Asia Tenggara kerana seawal tahun 1993, kami telah melakukan pembaharuan

dalam perbankan, institusi kewangan, badan pelaburan dan insurans."

Beliau berkata Filipina berjaya menguruskan dengan cekap masalah pinjaman yang digunakan terutama dalam sektor hartat tanah, yang menjadi punca kelumpuhan ekonomi yang menyerang negara Asia Tenggara.

Ramos berkata tiada satu pun bank di Filipina yang gagal dalam masa dua tahun ini akibat kegawatan.

Bagaimanapun terdapat satu kes kegagalan pihak bank tetapi ia disebabkan oleh salah pengurusan.

Katanya beliau juga telah berbincang dengan Dr Mahathir mengenai minat negaranya dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan beliau sungguh tertarik apabila melihat di Cyberjaya, bandaraya pintar Malaysia, dibangunkan.

"Saya meminta diadakan kerjasama berterusan antara Malaysia dan Filipina berhubung perkara ini pada abad ke-21.

"Ini kerana itu caranya kita sepatutnya bekerjasama," kata Ramos.

Kumpulan Asean selain dari dua negara ini terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Ramos, yang disifatkan sebagai presiden yang pro-bisnes semasa memegang jawatan itu, berkata buat pertama kali sejak bertahun lamanya dalam hubungan perdagangan dua hala kedua-dua negara, Filipina mempunyai perseimbangan yang positif.

Perdagangan dua hala telah meningkat kepada lebih US\$2 bilion pada 1998 dengan Filipina mencatatkan sedikit lebih.

Eksport utama Filipina ke Malaysia ialah komponen elektronik sementara Malaysia juga berada di depan dalam komponen pengeluaran elektronik yang mempunyai produk bermutu tinggi, oleh itu menunjukkan saling melengkapi.

Filipina juga berminat untuk berkongsi sumber manusianya kerana negara itu mempunyai kelebihan yang unik dengan 85 peratus daripada 74 juta penduduknya fasih berbahasa Inggeris. Ditambah pula dengan sejumlah besar penduduknya dalam kumpulan umur 16-20 tahun.

"Inilah jenis aset manusia yang diperlukan dalam industri keilmuan pada masa depan," katanya.

-- BERNAMA

AU RON